

Kurikulum Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Menengah. Satu analisis berasaskan al-Quran dan al-Sunnah

(Disediakan Oleh Zulkifli Bin Hj Abd Rahman)

1. Pengenalan

Islam menggalakkan setiap perubahan dan perkembangan positif yang dapat memberi manfaat dalam segenap bidang kehidupan manusia. Kurikulum adalah satu konsep baru yang berkembang seiring dengan kemajuan dunia pendidikan dan dapat memenuhi tuntutan masyarakat Islam pada masa kini. Justeru itu, kurikulum adalah sangat penting dalam pendidikan Islam kerana ia merupakan satu kaedah untuk mendidik generasi muda pada masa kini agar mereka tidak tergelincir daripada landasan aqidah yang sebenar. Kurikulum juga memainkan peranan penting dalam membina peribadi pelajar dari segi perkembangan individu dan pergaulan sosial bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Oleh kerana kurikulum merupakan teras dari proses pendidikan, maka ia perlu di rangka dan digubal dengan teliti bagi menjamin keberkesanan dalam pelaksanaannya kelak.

2.1 Definisi Kurikulum Dalam Pendidikan Islam

Menurut Kamus Arab, “Kurikulum”, dirujuk sebagai “*Manhaj*” yang bermaksud jalan yang terang atau jalan yang dilalui oleh manusia dalam berbagai bidang kehidupan. Manakala dalam bidang pendidikan, Kurikulum (manhaj) adalah cara atau pendekatan yang digunakan oleh pendidik atau guru terhadap pelajarannya untuk mengembangkan pengetahuan, membentuk ketrampilan dan sikap mereka. Pada masa dahulu, kurikulum dalam pendidikan Islam lebih terbatas kepada ilmu-ilmu yang diajar oleh guru-guru di sekolah-sekolah atau institusi pendidikan dalam bentuk buku-buku atau kitab-kitab tradisioanal untuk dikaji oleh murid-muridnya (Muhammad Omar al-Toumy al-Syaibany, 1982).

Menurut Addamardasy dan Munir (1968), Kurikulum adalah satu himpunan daripada pengalaman-pengalaman yang meliputi bidang pendidikan, sosial, sukan dan kesenian yang telah disediakan oleh pihak sekolah untuk para pelajarnya di dalam dan di luar bilik darjah bertujuan membantu para pelajar berkembang secara menyeluruh dari segala aspek serta membentuk tingkahlaku mereka sejajar dengan objektif pendidikan. Ianya juga satu jalan yang dibentuk oleh guru untuk menolong para pelajar supaya mereka lebih maju dalam pendidikan dan kemahiran-kemahiran tertentu melalui pelbagai aktiviti (Muhammad Omar al-Toumy al-Syaibany, 1982).

Kesimpulannya, dari segi bahasa pengertian kurikulum atau manhaj dalam pendidikan Islam, bermakna jalan yang terang. Manakala dalam bidang pendidikan ia memberi maksud unsur-unsur yang terdapat dalam proses pendidikan yang diikuti oleh guru atau pendidik sebagai panduan untuk mengajar dan mendidik para pelajarnya. Ia meliputi objektif pendidikan, subjek-subjek yang diajar, aktiviti-aktiviti dan kaedah-kaedah yang digunakan semasa pengajaran, bentuk latihan dan bimbingan yang diberikan, disiplin dan peraturan dalam pergaulan yang digariskan secara umum, serta proses digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran dan alat-alat yang digunakan dalam menilai prestasi pelajar (Hasan Lunggulung, 1991)

2.4 Kepentingan Kurikulum Dalam Pendidikan Islam

Menurut Hasan Lunggulung (1991) ;

- i. Kurikulum Pendidikan Islam adalah sebagai alat untuk mendidik generasi muda dengan baik dan menolong mereka untuk membuka dan mengembangkan bakat dan potensi diri disamping menyediakan diri untuk menjalankan hak-hak kewajipan samada untuk diri sendiri, juga untuk masyarakatnya.
- ii. Membentuk masa depan yang lebih berjaya disamping memperbaiki kegagalan yang pernah dilalui sebelumnya.

- iii. Menyediakan diri untuk berhadapan dengan suasana kehidupan yang lebih mencabar terutamanya untuk memenuhi tuntutan masyarakat.
- iv. Sebagai alat yang terbaik untuk membina masyarakat yang maju dari segi memenuhi tuntutan dunia dan juga tuntutan akhirat.

3. Sistem Pendidikan menengah

Sistem pendidikan menengah di negara ini terbahagi kepada 3 peringkat iaitu peringkat Pendidikan Menengah Rendah, Pendidikan Menengah Atas dan Pendidikan Menengah Tinggi (Sufean Hussin, 2004). Kurikulum Mata pelajaran Pendidikan Islam Teras KBSM mula diperkenalkan pada tahun 1983, dan mula dilaksanakan pada tahun 1989. Walau bagaimanapun Kurikulum Pendidikan Islam telah disemak sebanyak 2 kali iaitu pada 1996 dan 2000, dengan memberi tumpuan kepada kandungan kurikulum dan kaedah pengajaran (Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral, 2007). Kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM merupakan mata pelajaran wajib bagi semua peringkat pendidikan menengah rendah dan pendidikan menengah atas. Pendidikan menengah rendah meliputi pelajar-pelajar yang berada di tingkatan satu, dua dan tiga. Manakala pendidikan menengah atas pula meliputi kumpulan pelajar-pelajar dari tingkatan empat dan lima (Sufean, 2004).

4. Falsafah Pendidikan Islam

“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat” (KPM, 2005).

Al Nahwi (2000) menyenaraikan tiga asas dalam pembinaan falsafah pendidikan Islam iaitu ;

- i. Keimanan kepada Allah, meninggikan kalimahNya dan menyeru kepada jalanNya.

- ii. Berasaskan kepada “*Manhaj Rabbani*” iaitu penghayatan kepada al-Quran dan al-Sunnah.
- iii. Kesedaran dan penerokaan terhadap realiti alam dan manusia yang berterusan kepada 2 asas yang di atas tadi.

Menurut beliau lagi, sesuatu falsafah pendidikan mestilah didasarkan kepada asas yang kukuh, diyakini dan tidak mudah berubah. Inilah yang dibawa oleh Islam di dalam semua aspek kehidupan manusia, termasuklah pendidikan yang diasaskan kepada sumber yang teguh iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah dalam surah al-Ma’idah, ayat 15-16 yang bermaksud ;

“Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah dan kitab yang menerangkan. Dalam kitab itulah Allah menunjukkan kepada orang-orang yang mengikuti keredhaanNya ke jalan yang selamat, dan (dengan kitab itu pula) Allah mengeluarkan orang-orang itu daripada kegelapan kepada cahaya yang terang dengan kehendakNya dan menunjukkan mereka jalan yang lurus”.

Rasulullah s.a.w telah bersabda dalam menerangkan kepentingan kedua-dua sumber tersebut ;

“Aku telah meninggalkan kepadamu 2 perkara, jika kamu berpegang teguh kepada kedua-duanya nescaya kamu tidak akan tersesat buat selama-lamanya, iaitu kitab Allah dan Sunnah NabiNya”.

5. Matlamat Pendidikan Islam.

“Matlamat pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal salih dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah ke arah menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa” (KPM, 2005).

Menurut Rosnani Hashim (2001), matlamat utama pendidikan Islam ialah untuk melahirkan insan yang baik, melalui perkembangan segala potensinya secara seimbang, membolehkannya menjadi hamba dan khalifah Allah yang berkemampuan untuk memikul amanah bagi memelihara kesejahteraan bumi ini.

Persidangan Muslim Pertama yang diadakan di Jeddah pada 31 Mac hingga 8 April 1977 telah menyetujui mengenai matlamat pendidikan Islam adalah meliputi perkembangan yang seimbang dalam keseluruhan peribadi insan melalui latihan kerohanian, intelek, rasional, perasaan dan indera. Sumber kepada pendidikan berkenaan adalah ilmu wahyu dan akal (Rosnani, 2001). Sesungguhnya di dalam Islam, penggunaan akal secara beradab akan menyebabkan insan semakin harmoni, yakin dan berpaksikan wahyu dalam kehidupannya. Menerusi proses berfikir yang beradab akan memperkasakan iman, dapat mencapai kecintaan Allah serta mengagumi kekuasaan dan kebesaran Allah s.w.t (Tajul Ariffin & Nor Aini , 2005). *“Dengan ini manusia akan memperolehi pelajaran”* (an-Nahl 16:44), *“mencapai kebenaran”* (al-Isra’ 17:105), *penyelesaian semua masalah kehidupan* (an-Naml 27:76) dan *untuk pembangunan dan perpaduan ummah* (as-Syura 42:15).

Menurut al-Syabani (1991), matlamat pendidikan Islam juga untuk melahirkan insan muslim yang mencapai kejayaan dalam segala bidang kehidupannya di dunia dan akhirat, seperti firman Allah di dalam surah al-Qasas, ayat 77 yang bermaksud ;

“Tuntutlah kehidupan akhirat dengan apa yang telah dikurniakan kepadamu tetapi jangan lupa bahagianmu di dunia”

Sabda Rasulullah s.a.w ;

“Perbuatlah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selamanya dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati pada esok hari”.

6. Objektif Kurikulum Pendidikan Islam.

Antara objektif Kurikulum Pendidikan Islam ialah memperkukuhkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz ayat-ayat al-Quran serta menghayati serta mengamalkan isi kandungan dalam amalan kehidupan harian (Huraian KPM, 2005).

Menurut Mohd Aderi dan Asmawati (2006), objektif pengajaran Tilawah al-Quran bukanlah dari sudut membetulkan bacaan semata-mata, bahkan ia meliputi bacaan, kefahaman, penghayatan dan amalan. Firman Allah di dalam surah al-An'am, ayat 155 yang bermaksud ;

“Dan sebuah kitab (al-Quran) yang kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu hendaklah kamu menurutnya, dan bertaqwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat”.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban Rasulullah s.a.w bersabda, bermaksud ;

“Hendaklah kamu membaca al-Quran, kerana ia adalah cahaya kepadamu di dunia dan perbendaharaan bagimu di langit”

Objektif pendidikan Islam yang seterusnya ialah memperkukuhkan dan mempertingkatkan amalan ibadat solat dan ibadat-ibadat lain serta ke arah memahami konsep ibadat dan mengamalkannya dengan betul dan sempurna (Huraian KPM, 2005). Hassan Langgulung (1991) menyatakan, fokus utama dan terpenting dalam pendidikan Islam ialah seseorang pelajar itu perlu dididik sepanjang masa secara seimbang iaitu jasmani, rohani, emosi dan intelek yang dijuruskan dalam konteks pengabdian diri kepada Allah dan memperolehi keredhaanNya. Oleh itu ibadat merupakan perkara yang sangat penting, yang mesti difahami betul-betul oleh setiap orang yang beriman kepada Allah dan para RasulNya, sebelum ia di amalkan dan dihayati. Firman Allah di dalam surah al-An'am ayat 162 yang bermaksud ;

“Katakanlah : Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku semua bagi Allah Tuhan semesta alam”.

Kurikulum pendidikan Islam juga menekankan dan menumpukan tentang ibadat solat kerana ia merupakan tonggak kepada ibadat-ibadat lain, seperti sabda Rasulullah sa.w yang diriwayatkan oleh al-Tabrani ;

“Amal seseorang hamba yang pertama akan dihisab kelak ialah solat, maka jika solatnya rosak maka amal lainnya akan rosak”

Segala amal ibadat dan urusan hidup yang dijalankan mestilah dengan niat ikhlas kerana Allah demi mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Sebagaimana hadis yang riwayatkan oleh Abu Daud dan Al-Hakim, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud ;

“Bertulus ikhlaslah kamu dalam melaksanakan agamamu, nescaya segala amalanmu yang sedikit itu cukup untukmu”

Selain daripada itu objektif Kurikulum Pendidikan Islam juga adalah untuk memperkukuhkan pegangan aqidah Islamiah dan mengaitkan konsep tauhid dalam keseluruhan aspek kehidupan. Menurut Musa (1997), aqidah yang kukuh ialah kepercayaan yang tertanam kukuh di dalam jiwa tanpa sebarang keraguan bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu adalah utusan Allah, seperti firman Allah di dalam surah al-Hujurat ayat 15 yang bermaksud ;

“Sesungguhnya orang-orang yang sebenarnya beriman adalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka tidak ragu-ragu”.

Hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud ;

“Dari Umar Ibn Khattab r.a , ia berkata : telah bersabda Rasulullah s.a.w : Iman ialah bahawa engkau percaya dengan Allah, dengan para

malaikatNya, al-kitabNya, dengan para RasulNya, dengan Hari Qiamat dan engkau percaya dengan Qadar baik dan burukNya”.

Objektif kurikulum pendidikan Islam juga adalah supaya para pelajar dapat membina keperibadian serta mengamalkan akhlak mulia, sifat-sifat yang terpuji dan menghindari sifat-sifat yang tercela (Huraian KPM, 2005).

Menurut Asmawati (2006), pendekatan Islam dalam pendidikan akhlak amat menekankan kepada penanaman aqidah atau rohani. Ini kerana aqidah merupakan teras Islam yang utama. Kepentingan aqidah dalam Islam dapat dilihat menerusi nas-nas al-Quran dan Hadis yang mengaitkan pembentukan akhlak dengan aqidah atau iman. Misalnya hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud ;

“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya”.

Rasulullah s.a.w memiliki akhlak yang tinggi dan sempurna, maka Allah menetapkan baginda sebagai ikutan yang baik bagi seluruh umat manusia seperti yang termaktub di dalam surah al-Ahzab ayat 21, yang bermaksud ;

“Pada peribadi Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu semua, yang mengharap (keredhaan) Allah serta (kebahagian hidup) di akhirat”.

Pendidikan akhlak yang berteraskan aqidah dan nilai agama adalah lebih sempurna dan terjamin untuk melahirkan insan yang berkualiti (Asmawati, 2006)

Selain daripada itu, selepas mempelajari kurikulum pendidikan Islam, para pelajar akan dapat memahami, menghayati hadis-hadis Rasulullah, mengambil pengajaran dan meneladani Sirah Rasulullah dan para sahabat juga Tamaddun Islam, supaya mereka dapat mengambil iktibar dan mengamalkan ajaran Islam sebagai satu cara hidup

(Huaraiian KPM, 2005). Firman Allah s.w.t dalam surah Ali ‘Imran ayat 19 yang bermaksud ;

“Sesungguhnya agama di sisi Allah hanyalah Islam”

Rasulullah s.a.w adalah rahmat Allah untuk manusia sejagat. Firman Allah di dalam surah al-Anbiya’ ayat 107 yang bermaksud ;

“Dan tidak kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan sebagai rahmat untuk seluruh alam”.

7. Kandungan Sukatan Kurikulum Pendidikan Islam

Kandungan Sukatan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM terbahagi kepada bidang-bidang berikut : (1) Tilawah al-Quran (TQ) yang merangkumi becaan, hafazan dan kefahaman serta Hadis, (2) Ulum Syar’iyyah (US) yang merangkumi Aqidah, Ibadah, Sirah Rasulullah s.a.w dan Tamaddun Islam , dan (3) Adab dan Akhlak Islamiyyah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Bidang pengajaran TQ, bukan sekadar untuk membetulkan bacaan al-Quran semata-mata malah ia bertujuan mendidik pelajar-pelajar supaya sentiasa menghayati ajaran-ajaran al-Quran dalam kehidupan individu dan jemaah (Asmawati, 2006). Ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al-Ma’idah ayat 16 yang bermaksud ;

“Dan sesungguhnya telah datang kepada kamu daripada Allah nur (Muhammad) dan kitab yang terang (al-Quran). Dengan kitab itu Allah memimpin sesiapa yang hendak mengikut keredhaanNya ke jalan yang selamat dan dikeluarkan mereka dengan izinNya dari kegelapan kepada cahaya yang terang dan mereka dipimpinNya ke jalan yang lurus”.

Terdapat hadis Rasulullah s.a.w yang menunjukkan kelebihan bagi orang-orang yang membaca dan mengamalkan isi kandungan al-Quran. Hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud ;

“Bacalah al-Quran, kerana dia akan datang pada hari Qiamat sebagai penolong kepada tuannya (iaitu orang-orang yang menghayatinya), bacalah al-Zahrawain, iaitu surah al-Baqarah dan surah Ali ‘Imran kerana kedua-duanya akan datang pada hari Qiamat seperti awan (yang menaungi) atau seperti dua kumpulan burung yang berbaris berhujjah kerana mengambilnya adalah berkat, meninggalkannya adalah satu kerugian dan tidak mampu dilakukan oleh ahli-ahli sihir”.

Dalam pengajaran Hadis-hadis Rasulullah, diajar di dalamnya pengertian, hikmah dari sumber hukum daripada hadis-hadis pilihan. Suruhan untuk mempelajari hadis ini adalah selaras dengan perintah Allah dan RasulNya supaya umat manusia mempelajari hadis sebagai sumber kedua umat Islam, seperti sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud ;

“Ya Allah sayangilah khalifahku, ditanya kepadanya, siapakah khalifahmu? Jawab baginda, orang-orang yang sesudahku kemudian mereka meriwayatkan hadis-hadis dan mengajarkannya kepada orang lain”.

Firman Allah di dalam surah al-‘Araf ayat 158 yang bermaksud ;

“Maka berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimahNya dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh petunjuk”.

Bidang Pengajaran Ulum Syari’yyah, memberi tumpuan kepada memperkenalkan asas keimanan dan membiasakan diri pelajar dengan rukun-rukun Iman dan Islam serta prinsip-prinsip syari’at serta asas-asas pengajaran Islam dengan mengenal pasti Islam dari segi aqidah dan ibadah. Ini bersesuaian dengan hadis Rasulullah sa.w yang diriwayatkan oleh al-Hakim dari Ibn Abbas yang bermaksud ;

“Mulakanlah anak-anak kamu dengan kalimah Tiada Tuhan Melainkan Allah”.

Menurut Mohd Ali Hashimi (1986), melalui pengetahuan dan pemahaman tentang konsep ibadah, seseorang itu dapat menghayati, memahami dan mengerjakan amal ibadah dengan betul dan sempurna, seperti mana firman Allah di dalam surah az-Zariyat ayat 56 yang bermaksud ;

“Dan tidak Aku menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadah kepadaKu”.

Seorang muslim yang sejati itu sentiasa mengingati Allah pada setiap detik dan ketika, lalu bertambahlah keimanannya kepada Allah (Mohd Ali Hashimi, 1986). Firman Allah di dalam surah Ali-‘Imran ayat 190 yang bermaksud ;

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang menjadi tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal”.

Keimanan dan keyakinan terhadap Allah akan melahirkan golongan pelajar yang bertanggungjawab terhadap diri, agama, masyarakat, negara dan alam sekitar (al-Syaibani, 1991).

Melalui pembelajaran Sirah Rasulullah s.a.w dan para sahabat serta Tamaddun Islam dapat memberi pengajaran dan menimbulkan kesedaran tentang kekutan aqidah umat Islam pada masa itu. Para pelajar dapat mengetahui bagaimana keperitan dan pengorbanan Rasulullah dan para sahabat demi mempertahankan keimanan mereka dan menegakkan syiar Islam yang sebenar. Menurut Ahmad Adnan (2001), Allah s.w.t mewajibkan umat Islam supaya sentiasa memberi komitmen dengan meniru cara hidup Nabi Muhammad s.a.w dan mengikuti sunnahnya. Peribadi baginda dijadikan Allah sebagai contoh teladan bagi sekalian umat Islam. Firman Allah dalam surah al-Hasyr ayat 7 yang bermaksud ;

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangnya, maka patuhilah larangannya”.

Firman Allah lagi di dalam surah Yusuf ayat 111 yang bermaksud ;

“Sesungguhnya di dalam kisah-kisah mereka itu menjadi satu teladan bagi orang-orang yang mempunyai fikiran”.

Bidang Pengajaran Akhlak Islamiyyah, berkait rapat dengan matlamat pendidikan, terutamanya untuk membentuk akhlak manusia menjadi mukmin sejati seperti yang telah ditegaskan oleh Rasulullah sa.w di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud ;

“Sebaik-baik kamu ialah orang yang terbaik akhlak dan budi pekertinya”.

Menurut al-Syaibani (1991), akhlak seseorang itu terhasil daripada iman dan ibadahnya, iaitu tidak sempurna iman dan ibadah seseorang itu kecuali ia mempunyai akhlak yang mulia dan muamalah yang baik terhadap Allah dan makhlukNya. Terdapat sebanyak 1504 ayat yang berhubung dengan akhlak di dalam al-Quran, iaitu hampir ¼ daripada isi kandungan al-Quran. Antaranya firman Allah s.w.t sewaktu memuji Nabi Muhammad s.a.w di dalam surah al-Qalam ayat 4 yang bermaksud ;

“Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang mulia”.

Terdapat hadis Rasulullah s.a.w yang mengaitkan akhlak dengan kesempurnaan iman, seperti hadis yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud ;

“Orang muslim yang paling baik imannya diantara kamu adalah mereka yang paling baik akhlaknya”.

Pendidikan Akhlak Islamiyyah berperanan membentuk insan berperibadi mulia dan soleh. Insan yang berakhlak mulia mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan prinsip-prinsip akhlak Islam dan menjauhi semua perkara yang buruk, bahkan ia mampu menyeru manusia untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Jika seseorang itu berjaya sampai ke tahap ini, ia digolongkan sebagai muslim yang sempurna akhlak, iman dan agamanya. Justeru itu, Kurikulum Pendidikan Islam turut menumpukan

terhadap pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar ke arah menjadi mukmin yang hakiki (Khadijah, 2006).

8. Kaedah Pengajaran Kurikulum Pendidikan Islam

Kaedah pengajaran Kurikulum Pendidikan Islam merangkumi aktiviti pembelajaran seperti membaca, menghafaz, menulis, memahami pengertian, hikmah pengajaran dan menghayati ayat-ayat al-Quran dan Hadis-hadis pilihan. Aktiviti membaca dan menghafaz merupakan kaedah terpenting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kerana ia dapat menyalurkan ilmu pengetahuan dan maklumat kepada pelajar. Membaca merupakan asas utama di dalam usaha mencapai pelbagai ilmu. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t di dalam surah al-‘Alaq ayat 1 yang bermaksud ;

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan”

Manakala suruhan untuk melaksanakan pengajaran hafazan, Allah akan mengangkat darjat mereka yang menghafaz ayat-ayat Allah dan hadis Rasulullah , seperti Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud ;

“Barang siapa yang menghafaz diantara umatku empat puluh hadis tentang urusan agama, Allah akan membangkitkannya pada hari Qiamat sebagai ‘Alim dan akan memberi syafaat kepadanya”.

Terdapat ayat-ayat al-Quran yang secara tidak langsung menunjukkan pendekatan dan kaedah yang terbaik dalam pendidikan Islam. Abdul Salam Mohd Shukri (2003) memberikan beberapa contoh ayat al-Quran yang mengajar manusia tentang metod pendidikan aqidah yang terdapat dalam bentuk kisah nabi-nabi, nasihat, dialog, lawatan dan lain-lain. Contohnya firman Allah dalam surah Luqman ayat 13 yang bermaksud ;

“Dan ingatlah tatkala Luqman berkata kepada anaknya semasa ia memberi nasihat :”Wahai Anakku, janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”.

Manakala pendekatan Rasulullah s.a.w dalam pendidikan aqidah pada asasnya adalah sama seperti yang dianjurkan oleh al-Quran. Terdapat berbagai kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah seperti teknik pengulangan dalam mengajar kalimah Tauhid (La Ilaha illallah), hukum denda bagi anak-anak yang tidak bersembahyang ketika berumur 10 tahun dan lain-lain lagi. Seperti sabda baginda yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Daud dan al Hakim yang bermaksud ;

“Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang tatkala sampai umur mereka 7 tahun dan pukullah sekiranya mereka tidak mahu bersembahyang ketika umur mereka 10 tahun”.

Rasulullah s.a.w juga menekankan tentang aspek pemahaman dan penghayatan dalam bidang pendidikan supaya para sahabat dapat mengambil iktibar dan pengajaran serta diamalkan dalam kehidupan. Imam Muslim meriwayatkan dalam kitab Sahihnya akan sabda baginda yang bermaksud ;

“Tidaklah berkumpul satu kaum di sebuah rumah Allah, mereka pelajari kitab Allah dan bertadarus bersama mereka melainkan diturunkan ketenangan ke atas mereka dan diikuti mereka itu dengan rahmat dan dilingkungi mereka oleh para malaikat serta disebut-sebut mereka itu oleh Allah kepada sesiapa yang berada dengannya”.

Menurut al-Qari dalam kitab ”Syarhul Misykah”, maksud tadarus ialah membetulkan bacaan dan menghuraikan maknanya (tafsir) (Abd Raof, 1990).

Menurut Noraini Hashim (2005), para pelajaran perlu didedahkan kepada kaedah pengajaran yang memerlukan mereka berfikir secara saintifik dan mengajak mereka menyelesaikan sebarang masalah atau kemusykilan yang ditimbulkan. Ini bertepatan dengan Falsafah Kurikulum Pendidikan Islam, iaitu bukan sahaja ke arah memperoleh ilmu pengetahuan tetapi juga ke arah memperkembangkan daya berfikir yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (KPM, 1988).

Allah s.w.t sangat menggalakkan dan menyuruh manusia berfikir untuk mengetahui kebesaran dan kesempurnaan ciptaanNya. Terdapat beberapa perkataan di dalam al-Quran yang merujuk aspek pemikiran, seperti ;

Terdapat gesaan Allah kepada manusia supaya berfikir menggunakan akal, seperti firmanNya dalam surah an-Nahl ayat 12 yang bermaksud ;

“Dan Allah memudahkan bagi kamu malam, siang, matahari dan bulan serta bintang-bintang memudahkan untuk keperluan kamu dengan perintahNya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang yang berfikir”.

Ayat ini memperlihatkan hanya orang yang berakal dan menggunakan akal fikiran sahaja mangatahui kabijaksanaan Allah s.w.t (Sayyid Qutb, 1987). Rasulullah s.a.w turut menekankan tentang kepentingan berfikir kepada umat Islam dalam sabdanya yang bermaksud ;

“Berfikir sesaat itu lebih utama dari beribadat setahun”.

Hadis ini menunjukkan tentang kelebihan menggunakan akal dalam menyelesaikan sesuatu perkara (al-Ghazali, 1989).

9. Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam

Menurut Noraini Hashim (2005), penilaian merupakan satu alat yang digunakan untuk menentukan samada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dapat mencapai objektif pendidikan seperti yang telah ditetapkan. Penilaian adalah satu proses penting yang diperlukan untuk menentukan tahap keberkesanan perubahan akhlak pelajar melalui ujian yang diberikan. Allah s.w.t juga telah menjalankan ujian untuk mempertingkatkan tahap keimanan dan keyakinan para RasulNya, seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 124 yang bermaksud ;

“Dan (ingatlah) tatkala telah diuji Ibrahim oleh Tuhannya dengan beberapa kalimat”.

Pengertian “penilaian” lebih sinonim dengan “ujian yang memerlukan penggunaan kertas dan pen”. Kurikulum Pendidikan Islam yang disediakan lebih bersifat “*exam oriented*” dimana pelajar diasak mengingati fakta dan memahami sesuatu pelajaran sekadar untuk lulus peperiksaan. Para pelajar mungkin berjaya memperolehi markah yang tinggi dalam peperiksaan melalui kertas ujian yang disediakan, tetapi mereka masih mempunyai akhlak dan moral yang rendah. Oleh itu Kurikulum Pendidikan Islam perlu dinilai semula oleh pakar-pakar pendidikan Islam. Kandungan mata pelajaran, kaedah pengajaran dan teknik penilaian perlu dibuat kajian, diolah serta difikirkan cara terbaik dalam mencorakkan semula Kurikulum Pendidikan Islam.

10. Kesimpulan

Secara umumnya, Kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan menengah telah dibentuk bermodelkan al-Quran dan al-Sunnah, namun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian seperti pelajaran al-Sunnah sebagai rujukan kedua umat Islam kurang diberi penekanan dan tidak dimasukkan secara langsung dalam sukatan pelajaran KBSM (Zainab, 1994). Manakala kaedah pengajaran Kurikulum Pendidikan Islam kurang membimbing pelajar untuk berfikiran kritis, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara analisis. Kaedah penilaian yang digunakan untuk menguji prestasi pelajar lebih berbentuk “*exam oriented*” dan mengabaikan perkembangan rohani dan akhlak pelajar (Noraini Hashim, 2005). Oleh itu keberkesanan pengajaran dan kepentingan penghayatan perlu diberi keutamaan dalam Kurikulum Pendidikan Islam ke arah membentuk satu generasi umat berilmu, beramal dan bertaqwa setanding dengan pengiktirafan Allah s.w.t sebagai umat terbaik (Khairu Ummah), sebagaimana firmanNya dalam surah Ali ‘Imran ayat 110 yang bermaksud ;

“Kamu adalah umat yang terbaik”

BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

Abd Raof Dalip. 1990. *Dasar-Dasar Pendidikan Islam Zaman Khulafa Al-Rasyidin*.
Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abd. Ghafar Md. Din. 2003. *Prinsip Dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan
Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Salam Muhammad Shukri. 2003. Dlm . Shahrin Awaludin, Aini Hassan & Hassan
Basri. Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru-guru Pendidikan
Islam Pemangkin Peradaban Ummah. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri
5) 2006*. Hlmn.298. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Adnan Bin Fadzli. 2001. *Nabi Muhammad : Sakhshiah Dan Perjuangan*. Negeri
Sembilan Darul Khusus: M. Khairi Enterprise.

Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad. 1972. *Mukhasyafah al-Qulub*.
Kaherah: Al-Sya'ab.

Al-Nahwi, Adan 'Ali Rida. 2000. *al-Tarbiyyah fi al-Islam : al-Nazariyyah Wa al-
Manhaj*. Riyadh: Dar al-Nahwi.

Al-Syaibani, Omar Mohamad al-Taumy. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam* (terj. Hassan
Langgulung). Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.

Asmawati Suhid. 2006. Pengajaran Adab Akhlak Islamiah dalam Membangunkan Modal
Insan. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5)*. Hlmn. 30-31. Bangi: Fakulti
Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamil, Addamardasy Sarhan Dan Munir. 1968. *Al-Manahij*. (cet. 3). Kaherah: Dar El-
Ma'arif bi Masr.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2005. *Buku Panduan (Modul) Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khadijah Abdul Razak. 2006. Pendidikan Akhlak : Konsep Dan Peranannya Dalam Pembentukan Insan. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5)*. Hlmn. 119. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Ali Hashimi. 1986. *Syakhshiatul Muslim*. (Terj. Tahir Daeng Mengati). Petaling Jaya: Pustaka Salam.
- Musa Bin Fathullah Harun. 1997. *Pendidikan Islam 1*. Kuala Lumpur: Program Pengajian Diploma Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Hashim. 2005. Keruntuhan Akhlak Dan Pembangunan Remaja Masa Kini Cabaran Pendidikan Islam Di Malaysia. *Prosiding Wacana pendidikan Islam (Siri 5)*. Hlmn 26-27. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnani Hashim. 2001. Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam Dalam Konteks Pendidikan Di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*.
- Sayyid Qutb. 1989. *Fi Zhilal al-Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Sufean Hussin. 2004. *Pendidikan Di Malaysia Sejarah Sistem Dan Falsafah*. (cet 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor 'Aini Dan. 2002. *Pendidikan Dan Pembangunan Manusia Pendekatan Bersepadu*. Selangor Darul Ehsan: As Syabab Media.
- Zainab Binti Ismail. 1994. Pendidikan Islam Di Malaysia Menurut Perspektif Sejarah. *Jurnal al-Mau'izah* (Jld 2. Bil.1) Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.